



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGUASAAN I'RĀB BAGI MANŞŪBĀT DALAM KALANGAN PELAJAR
STAM MELALUI STRATEGI KOGNITIF***

RADIAH BINTI MOHAMAD

FBMK 2015 27



**PENGUASAAN *I'RĀB* BAGI *MANŞŪBĀT* DALAM KALANGAN PELAJAR
STAM MELALUI STRATEGI KOGNITIF**

Oleh

RADIAH BINTI MOHAMAD

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

PENGUASAAN *I'RĀB* BAGI *MANṢŪBĀT* DALAM KALANGAN PELAJAR MELAYU MELALUI STRATEGI KOGNITIF

Oleh

RADIAH BINTI MOHAMAD

Januari 2015

Pengerusi : Che Radiah binti Mezah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Dapatan kajian di Malaysia menunjukkan salah satu kelemahan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab adalah kegagalan menguasai nahu Arab. Hal ini disebabkan mereka tidak mempunyai strategi pembelajaran yang baik dan berkesan dalam pembelajaran tersebut. Justeru, kajian ini memfokuskan salah satu aspek nahu Arab, iaitu penguasaan *i' rāb mansūbāt* melalui aplikasi strategi kognitif.

Kajian ini menggunakan model strategi kognitif yang disarankan oleh O'Malley dan Chamot (1990) sebagai asas utama untuk menyelidik penguasaan pelajar dalam *i' rāb mansūbāt*. Model tersebut membahagikan strategi kognitif kepada sepuluh bahagian, iaitu strategi menggunakan sumber, menyusun/mengelompokkan, mengambil nota, meringkaskan, mendeduksi, menggambarkan, melambangkan melalui pendengaran, menghuraikan, memindahkan, dan membuat kesimpulan.

Untuk menjelaskan kajian ini, analisis kajian bertujuan mengenal pasti unsur *i' rāb mansūbāt* yang dikuasai oleh responden, menganalisis unsur *i' rāb mansūbāt* yang gagal dikuasai oleh responden, dan menghuraikan strategi kognitif yang diaplikasi oleh responden dalam menguasai *i' rāb mansūbāt*. Seramai lima (5) orang responden daripada tingkatan enam rendah telah terlibat secara langsung dalam kajian ini. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui instrumen soalan ujian dan temu bual sebagai kaedah utama dalam mengumpul maklumat.

Beberapa penemuan penting telah ditemui dalam dapatan kajian ini. Antaranya ialah, responden berjaya menguasai unsur baris, bilangan, gender, partikel, makna, pengulangan kata, dan memadankan dengan ayat *al-Qur'ān* dalam menentukan *mawqi'*, hukum, dan *'alāmat i'rāb*. Responden yang menguasai unsur bilangan dan gender lebih mahir dalam menentukan baris pada sesuatu perkataan. Dapatan kajian juga menunjukkan responden gagal menentukan kedudukan baris yang berfungsi sebagai *'alāmat i'rāb* pada kata nama mufrad, duaan, jamak maskulin, dan jamak feminin.

Sehubungan dengan itu, responden yang gagal menentukan unsur bilangan pada kata nama duaan, jamak maskulin, dan *jama' taksīr* didapati tidak dapat menguasai unsur makna dengan baik. Terdapat enam strategi kognitif yang digunakan oleh responden dalam menguasai *i'rāb manṣūbāt*, iaitu strategi mendeduksi, menghuraikan, memindahkan, melambangkan melalui pendengaran, menggunakan sumber dan membuat latihan. Strategi membuat latihan merupakan strategi tambahan yang baharu diperolehi. Akhirnya, dapatan juga menunjukkan responden yang kerap menggunakan strategi mendeduksi lebih menguasai unsur baris dan bilangan dalam menentukan *mawqi'*, hukum, dan *'alāmat i'rāb*.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Art

MASTERY *I'RĀB* OF *MANṢŪBĀT* AMONG MALAY STUDENTS THROUGH COGNITIVE STRATEGIES

By

RADIAH BINTI MOHAMAD

January 2015

Chairman : Che Radiah binti Mezah, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The findings of the research among Malay students in Malaysia showed that the main factor students failed to master the Arabic language is the weakness to master Arabic grammar. This is because they failed to acquire a good strategy and effective learning to understand and master the subject. Therefore, the research focuses on one aspect of Arabic grammar, which is mastery of *i'rāb manṣūbāt* through the application of cognitive strategies.

Cognitive strategies model suggested by O'Malley and Chamot (1990) is used as the basis to study the mastery of student in *i'rāb manṣūbāt*. The model divides the cognitive strategies into ten parts, namely using the resources, organizing/classifying, note taking, summarizing, deducing, symbolizing through listening, describing, transferring, and drawing conclusions strategies.

To explain the research, analysis is used to identify elements of *i'rāb manṣūbāt* mastered by the respondents, analysis on the elements of *i'rāb manṣūbāt* where respondents failed to master them and illustration on the cognitive strategy applied by the respondents in mastering *i'rāb manṣūbāt*. The total of five (5) students from lower sixth form has been directly involved in this study. This research uses a qualitative approach through the instrument test questions and interviews as the primary method for collecting information.

There are important findings revealed from the research. Amongst the findings are, the respondents have successfully mastered the elements of *line*, number, gender, particles, meaning, repetition of words, and matching with verses of the *al-Qur'ān* in

determining *mawqi'*, hukum, and '*alamat i'rāb*'. The respondents who master the elements of number and gender are more adept at determining *the line* in a word. The findings also revealed that the respondents failed to identify the line that served as the '*alamat i'rāb*' noun in the singular, dual, plural masculine and feminine plural.

Accordingly, the respondents who failed to identify the line element to the dual noun, plural masculine, plural *taksīr* were not able to master element of meaning well. There are six cognitive strategies used by respondents in mastering *i'rāb maṣṣūbāt*, namely the deducing, describing, transferring, symbolizing through listening, resources and training strategies. Training strategy is a new strategy found. Finally, the findings too discover that the respondents who often used the deducing strategy is better in mastering the number element in determining *mawqi'*, hukum, and '*alamat i'rāb*'.



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Segala puji hanya bagi Allah Yang Maha Bijaksana dan juga selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad (S.A.W).

Penulis merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kajian ini, Dr Che Radiah binti Mezah dan Dr Nik Farhan binti Mustapha yang bersama-sama menyumbang tugas penyeliaan dalam memberikan idea yang bernas, pandangan, dan sokongan yang padu kepada pengkaji sehingga selesainya penulisan ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar daripada kedua-dua penyelia, sudah tentu pengkaji tidak akan mampu menyempurnakan penulisan ini. Jutaan terima kasih juga kepada semua pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia atas curahan ilmu yang bermanfaat yang tidak akan dilupakan.

Sekalung penghargaan ditujukan juga kepada Dr Nik Hanan binti Mustapha (UIA), Dr Nadwah binti Haji Daud (UIA), Dr Pabiyah binti Haji Maming@Toklubok (UPM), Dr. Zulkifli bin Ismail (UPM), Ustaz Mohd Saudi bin Abdullah dan pihak sekolah (SMKA, Maahad Hamidiah, Kajang), dan Ustazah Rozana binti Azhar serta pihak sekolah (SAMTTAJ, Shah Alam) di atas kerjasama mereka selaku pakar pengesah keseluruhan dapatan kajian ini. Tanpa teguran dan cadangan mereka, pengkaji tidak akan dapat melahirkan penulisan ini.

Begitu juga ucapan terima kasih kepada pihak perpustakaan yang sentiasa mengalu-alukan kedatangan pengkaji dan menyediakan bahan-bahan ilmu yang begitu tinggi nilainya untuk dijadikan rujukan sepanjang kajian ini dijalankan. Perpustakaan tersebut ialah Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan peringatan Za'ba, Universiti Malaya (PPZUM), Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Pengkaji mengucapkan jutaan terima kasih jua kepada ayahanda dan bonda yang sentiasa memberi semangat dalam menempuhi dugaan dan cabaran sepanjang menyiapkan penulisan ini. Semadah penghargaan yang istimewa buat suami (Mazlan bin Seman) dan anak-anak tersayang (Muhammad Mubassyr, Nur Nazirah, dan Ahmad Mu'az Huzaifah al-Aiman) yang berkorban kasih sayang, masa, dan sentiasa mengukir kata-kata semangat untuk pengkaji menyiapkan kajian ini sehingga noktah terakhir. Turut dirakamkan ucapan penghargaan ini untuk rakan taulan yang tidak dapat disebut satu persatu di ruangan yang ringkas ini yang turut sama memberikan sokongan moral dalam melaksanakan kajian ini hingga ke akhirnya.

Jazākumu 'Llāh Khayr Kathīrā...

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Che Radiah binti Mezah, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 April 2015

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Radiah binti Mohamad GS33705

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakuan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi _____
Jawatankuasa _____
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli _____
Jawatankuasa _____
Penyeliaan _____



ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	Muka Surat
ABSTRACT	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xvi
TRANSLITERASI HURUF ARAB	xvii

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Pernyataan Masalah	2
	1.2 Persoalan Kajian	3
	1.3 Objektif Kajian	3
	1.4 Kepentingan Kajian	3
	1.5 Batasan Kajian	5
	1.6 Definisi Konsep	6
	1.6.1 <i>Manṣūbāt</i>	6
	1.6.2 <i>I'rāb</i>	6
	1.6.3 Unsur	6
	1.6.4 Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	6
	1.6.5 Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)	7
	1.6.6 Strategi Kognitif	7
	1.7 Kesimpulan	7
II	SOROTAN LITERATUR	8
	2.0 Pengenalan	8
	2.1 Kepentingan Nahu dalam Pembelajaran Bahasa Arab	8
	2.2 Kepentingan <i>I'rāb</i> dalam Nahu Arab	8
	2.3 Pembahagian <i>I'rāb</i> dalam <i>Manṣūbāt</i>	9
	2.3.1 Objek (المفعول به)	10
	2.3.2 Objek Penguat (المفعول المطلق)	12
	2.3.3 Kata Keterangan Keadaan (الحال)	13
	2.3.4 Subjek <i>Inna</i> dan Sub Golongannya	16
	(اسم إنّ وأخواتها)	
	2.3.5 Kata Kerja <i>Kāna</i> dan Sub Golongannya	17
	(خبر كان وأخواتها)	

2.4	Isu-isu Kelemahan Pembelajaran <i>I'rab</i> di Malaysia	19
2.4.1	Kelemahan Penguasaan <i>I'rab</i> Secara Umum	19
2.4.2	Kelemahan Penguasaan <i>I'rab</i> Secara Khusus	20
2.5	Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)	22
2.6	Model Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)	23
	O'Malley & Chamot	
2.6.1	Strategi Metakognitif	23
2.6.2	Strategi Kognitif	23
2.6.3	Strategi Sosial-Afektif	23
2.7	Konsep Strategi Kognitif Model SPB	24
	O'Malley & Chamot	
2.8	Pembahagian Strategi Kognitif Model SPB	24
	O'Malley & Chamot	
2.9	Kepentingan Strategi Kognitif dalam Pembelajaran Bahasa	25
2.10	Isu-isu Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) bagi Bahasa Arab di Malaysia	26
2.11	Analisis Kritis	28
2.12	Kesimpulan	29
III	METODOLOGI KAJIAN	30
3.0	Pengenalan	30
3.1	Reka Bentuk Kajian	30
3.2	Sampel Kajian	30
3.3	Instrumen Kajian	31
3.3.1	Set Soalan Ujian Bertulis	31
3.3.2	Soalan Temu Bual	32
3.4	Kerangka Konsep Kajian	33
3.5	Lokasi Kajian	34
3.6	Keabsahan Instrumen Kajian	34
3.6.1	Keabsahan Item Soalan Ujian Bertulis	35
3.6.2	Keabsahan Item Tema Temu Bual	37
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	37
3.7.1	Proses Sebelum Kajian	38
3.7.2	Proses Semasa Kajian	38
3.7.3	Proses Selepas Kajian	40
3.8	Prosedur Penganalisan Data	40
3.9	Kesimpulan	41
IV	ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN	42
4.0	Pengenalan	42
4.1	Analisis Unsur <i>I'rab Manṣūbāt</i> yang dikuasai oleh Responden	42
4.1.1	Objek (المفعول به)	42
4.1.2	Kata Keterangan Keadaan (الحال)	46
4.1.3	Subjek <i>Inna</i> (إن اسم)	50
4.1.4	Objek Penguat (المفعول المطلق)	54

4.1.5	Kata Kerja <i>Kāna</i> (خبر كان)	
4.2	Analisis Unsur <i>I'rab Manṣūbāt</i> yang Gagal Dikuasai oleh Responden	58
4.2.1	Objek (المفعول به)	58
4.2.2	Kata Keterangan Keadaan (الحال)	62
4.2.3	Subjek <i>Inna</i> (اسم إنّ وأخواتها)	65
4.2.4	Kata Kerja <i>Kāna</i> (خبر كان وأخواتها)	68
4.2.5	Objek Penguat (المفعول المطلق)	69
4.3	Analisis Strategi Kognitif yang Diaplikasi oleh Responden dalam Menguasai <i>I'rab</i> bagi <i>Manṣūbāt</i>	71
4.3.1	Strategi Mendeduksi	71
4.3.2	Strategi Menghuraikan	79
4.3.3	Strategi Memindahkan	82
4.3.4	Strategi Menggunakan Sumber	83
4.3.5	Strategi Melambangkan Melalui Pendengaran	83
4.3.6	Strategi Membuat latihan	84
4.4	Kesimpulan	85
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	87
5.0	Pengenalan	87
5.1	Rumusan Kajian	87
5.1.1	Rumusan Unsur <i>I'rab Manṣūbāt</i> yang Dikuasai oleh Responden	87
5.1.2	Rumusan Unsur <i>I'rab Manṣūbāt</i> yang Gagal Dikuasai oleh Responden	91
5.1.3	Rumusan Strategi Kognitif yang Diaplikasi oleh Responden dalam Menguasai <i>I'rab Manṣūbāt</i>	95
5.2	Kesimpulan	100
5.3	Cadangan Tindakan	101
5.4	Cadangan kajian Lanjutan	102
	RUJUKAN	104
	LAMPIRAN	109
	BIODATA PELAJAR	119

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	Klasifikasi Strategi Kognitif Model Strategi Pembelajaran Bahasa O'Malley dan Chamot	25
3.1	Item Soalan Ujian (Bahagian A) Kategori KN bagi <i>Manşūbāt</i> Sebelum dan Selepas Proses Pemurnian	36
3.2	Item Soalan Ujian (Bahagian B) Kategori KN bagi <i>Manşūbāt</i> Sebelum dan Selepas Proses Pemurnian	37
3.3	Tempoh Masa Menjawab Soalan Ujian Bertulis dan Temu Bual	39
4.1	Contoh Maklum Balas Responden dalam Menentukan <i>I'rāb Manşūbāt</i> Subjek <i>Inna</i> (اسم إنّ)	51
5.1	Kategori KN bagi <i>Manşūbāt</i> melalui Strategi Mengaitkan antara Bahagian-bahagian yang Berbeza dalam Maklumat Baharu	98
5.2	Strategi Melambangkan melalui Pendengaran bagi KN <i>Manşūbāt</i>	99

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Kedudukan 'Alāmat I' rāb Baris Atas (<i>Fathat</i>) bagi Objek (المفعول به)	11
2.2	Kedudukan 'Alāmat I' rāb Baris Bawah (<i>Kasrat</i>) bagi Objek (المفعول به)	11
2.3	Kedudukan 'Alāmat I' rāb Huruf Alif bagi Objek (المفعول به)	12
2.4	Kedudukan 'Alāmat I' rāb Baris Atas (<i>Fathat</i>) bagi Kata Keterangan Keadaan (الحال)	14
2.5	Kedudukan 'Alāmat I' rāb (كَيْنَ) bagi Kata Keterangan Keadaan (الحال)	14
2.6	Kedudukan 'Alāmat I' rāb (كَيْنَ) bagi Kata Keterangan Keadaan (الحال)	15
2.7	Kedudukan 'Alāmat I' rāb Baris Bawah (<i>Kasrat</i>) bagi Kata Keterangan Keadaan (الحال)	16
2.8	Kedudukan 'Alāmat I' rāb Baris Atas (<i>Fathat</i>) bagi Subjek <i>Inna</i> (إِنَّ)	16
2.9	Kedudukan 'Alāmat I' rāb Baris Atas (<i>Fathat</i>) bagi Kata Kerja <i>Kāna</i> (خبر كان)	18
3.1	Kerangka Konsep Kajian	33
4.1	Unsur Objek (المفعول به) yang Dikuasai oleh Responden	42
4.2	Unsur Kata Keterangan Keadaan (الحال) yang Dikuasai oleh Responden	46
4.3	Unsur Subjek <i>Inna</i> (إِنَّ) yang Dikuasai oleh Responden	50
4.4	Unsur Objek Penguat (المفعول المطلق) yang Dikuasai oleh Responden	54
4.5	Unsur Kata Kerja <i>Kāna</i> (خبر كان) yang Dikuasai oleh Responden	55
4.6	Unsur Objek (المفعول به) yang Gagal Dikuasai oleh Responden	58
4.7	Unsur Kata Keterangan Keadaan (الحال) yang Gagal Dikuasai oleh Responden	62
4.8	Unsur Subjek <i>Inna</i> (إِنَّ) yang Gagal Dikuasai oleh Responden	65
4.9	Unsur Objek Penguat (المفعول المطلق) yang Gagal Dikuasai oleh Responden	69
4.10	Klasifikasi Strategi Kognitif Responden dalam Menguasai <i>I' rāb Manṣūbāt</i>	71
4.11	Klasifikasi Strategi Mendeduksi dalam Menguasai <i>I' rāb Manṣūbāt</i>	72

4.12	Aplikasi Strategi Mendeduksi dalam Menguasai Objek (المفعول به)	72
4.13	Aplikasi Strategi Mendeduksi dalam Menguasai Subjek <i>Inna</i> (إن اسم)	75
4.14	Aplikasi Strategi Menghuraikan dalam Menguasai <i>I'rab Maṣṣūbāt</i>	79



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Set Soalan Ujian Bertulis untuk Kajian Kualitatif Bertajuk “Penguasaan <i>I’rāb Maṣṣūbāt</i> dalam Kalangan Pelajar Melayu Melalui Strategi Kognitif”	109
B	Senarai Pakar Penilai Kesahan Soalan Ujian Bertulis	113
C	Semakan Pakar: Klasifikasi Item Jenis KN bagi <i>I’rāb Maṣṣūbāt</i>	114
D	Rujukan Pakar: Rasional Pemilihan Bentuk Soalan Ujian Bertulis bagi KN <i>I’rāb Maṣṣūbāt</i> untuk Kajian Kualitatif	116
E	Senarai Pakar Penilai Keabsahan Item Tema Temu bual bagi KN <i>I’rāb Maṣṣūbāt</i> dan Strategi Kognitif	118

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

BA	-	Bahasa Arab
Bhg.	-	Bahagian
Bil.	-	Bilangan
Dip.	-	Diploma
dln.	-	Dalam
Dr.	-	Doktor
Ed.	-	Edisi
et al.	-	Dan pengarang-pengarang lain
H	-	Hijrah
hlm.	-	Halaman
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
Jan.	-	Jantina
Jil.	-	Jilid
Jum. S	-	Jumlah Soalan
KAFA	-	Kelas Agama dan Fardhu 'Ain
Kek.	-	kekerapan
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KUSZA	-	Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin
KN	-	Kata nama
No.	-	Nombor
No. S	-	Nombor Soalan
M	-	Masihi
MBIA	-	<i>Ma 'ahad al-Bu 'ũth al-Islāmiyyah, al-Azhar al-Syarīf</i>
P	-	Pengkaji
Peng.	-	Pengajian
PhD	-	Doktor Falsafah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
pngr.	-	Penyelenggara
pnyt.	-	Penyunting
R	-	Responden
SAMTTAJ	-	Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah
SAR	-	Sekolah Agama Rakyat
S.A.W	-	<i>Šalla 'Llāhu 'alayh wa sallam</i>
SILL	-	<i>Strategy Inventory for Language Learning</i>
SMKA	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPBA	-	Strategi Pembelajaran Bahasa Arab
SPB	-	Strategi Pembelajaran Bahasa
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STAM	-	Sijil Tinggi Agama Malaysia
t.th.	-	Tanpa tahun
Terj.	-	Terjemahan
U132	-	Unit
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
UPM	-	Universiti Putra Malaysia

TRANSLITERASI HURUF ARAB

1. KONSONAN

Konsonan pada huruf Arab tidak selamanya sepadan dengan huruf Rumi. Pada beberapa konsonan tertentu yang boleh dirumikan, tetapi pada beberapa konsonan tertentu yang lain, terpaksa dilakukan beberapa tambahan (Muhammad Bukhari et al. 2006). Huruf-huruf tersebut ialah seperti dalam jadual berikut:

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ا	-	ظ	ẓ
ب	b	ع	‘
ت	t	غ	gh
ث	th	ف	f
ج	j	ق	q
ح	ḥ	ك	k
خ	kh	ل	l
د	d	م	m
ذ	dh	ن	n
ر	r	و	w
ز	z	ه	h
س	s	ء	’
ش	sh	ي	y
ص	ṣ	ة	ṭ
ض	ḍ		
ط	ṭ		

2. VOKAL & DIFTONG

Dalam sistem vokal dan diftong Arab ada vokal pendek, vokal panjang, dan diftong (Muhammad Bukhari et al. 2006). Ia dapat disenaraikan seperti dalam jadual berikut:

Vokal Pendek		Vokal Panjang			Diftong		
a	ـَ	ā	ـَ	ا			
ī	ـِ	ī	ـِ	ي	ay	اي	ـِـَ
u	ـُ	ū	ـُ	و	aw	او	ـِـَ

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab (BA) di Malaysia, kepentingan menguasai sistem *i'rāb* amat jelas apabila seringkali dibincangkan oleh para sarjana bahasa sehinggakan mereka menganggap bahawa sebarang kajian mengenai BA tidak akan lengkap tanpa menyentuh perbincangan *i'rāb* (Munif Zarirruddin, 1996; Halim, 2001; Naimah, 2003; Wan Najmuddin, 2007; Ahmad Sa'aduddin, 2010). Dalam memahami kepentingan tersebut, al-Rāzi (1993) menyatakan bahawa *i'rāb* merupakan salah satu keistimewaan BA yang tidak wujud pada bahasa-bahasa lain. Menguasai sistem *i'rāb* bermakna keupayaan dan keberhasilan dalam menetapkan tanda atau *'alāmat i'rāb* pada perkataan-perkataan tertentu yang dapat membantu individu mengetahui fungsi nahu yang dibawa oleh perkataan tersebut serta dapat memahami makna dengan tepat (al-Huqayl, 1992).

Para sarjana mengakui bahawa BA ialah bahasa *i'rāb* atau disebut juga sebagai bahasa fleksi (Mohd Zaki et al. 2010). Ia mengandungi kaedah analisis struktur ayat yang berbeza dengan bahasa yang lain (Muhammad Marwan et al. 2008). Dalam memahami istilah fleksi, Kamus Linguistik (1997:73) memberikan takrifan sebagai:

“Proses atau hasil menambahkan imbuhan kepada kata dasar atau kata akar sesuatu kata untuk menunjukkan hubungan tatabahasa, fungsi, dan aspek tertentu”.

Berdasarkan definisi tersebut, ia menjelaskan fungsi fleksi dalam sesuatu ayat untuk menunjukkan perkaitan tatabahasa antara satu perkataan dengan perkataan yang lain. Dalam hal ini, Kamarul Shukri (2005) menyatakan bahawa perkara utama yang menjadi inti pati dalam menguasai *i'rāb* ialah dapat menghasilkan makna yang difahami. Hal ini sangat penting kerana fungsi *i'rāb* pada sesuatu perkataan dalam ayat memberi kesan terhadap perubahan makna apabila menerima kehadiran unsur-unsur tertentu, seperti bilangan, jenis kata, partikel, dan gender (Muhammad, 1996). Penggunaan unsur-unsur tersebut pada sesuatu perkataan perlu disesuaikan dengan betul agar dapat menguasai baris dan memahami makna ayat dengan baik (Muhammad, 1996; Rusdi, 1998).

Daripada perbincangan yang diutarakan oleh para sarjana seperti di atas, ia menjelaskan bahawa peranan unsur-unsur *i'rāb* pada sesuatu perkataan dalam ayat amat menitikberatkan pembentukan baris dan makna yang dapat difahami. Hal ini menunjukkan kepentingan menguasai *i'rāb* dalam pembelajaran BA. Atas alasan itu, perkara inilah yang menjadi masalah dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari BA sebagai bahasa asing/kedua apabila mereka tidak dapat menentukan baris dengan betul pada sesuatu perkataan yang menerima kehadiran unsur-unsur tersebut dalam sesuatu ayat. Hal ini juga turut membuktikan kegagalan mereka dalam memahami makna yang betul.

1.1 Pernyataan Masalah

Unsur baris, bilangan, gender, dan jenis kata dalam BA amat penting kerana ia melibatkan aplikasi sistem *i'rāb* yang kompleks dan rumit (Muhammad, 1996). Penggunaannya secara menyeluruh dalam pembacaan dan penulisan menunjukkan aspek tersebut perlu dikuasai sepenuhnya agar sesuatu ungkapan yang dihasilkan adalah bermakna dan mempunyai struktur ayat yang betul (Abdul Kamil, 2006; Rosni et al. 2008; Janudin, 2009).

Namun begitu, masalah yang timbul kini ialah pelajar di peringkat menengah tinggi tidak mampu menguasai unsur-unsur tersebut dengan baik (Mat Nawi et al. 2004). Hal ini disebabkan wujudnya bentuk *i'rāb* berbeza-beza dalam ayat yang boleh membawa perubahan baris pada akhir perkataan dengan membawa makna yang khusus (Muhamad, 1995; Muhammad, 1996). Lebih ketara lagi apabila pelajar gagal menentukan kedudukan baris yang betul pada sesuatu perkataan sama ada berbaris atas, bawah atau hadapan yang berfungsi sebagai '*alāmat i'rāb*' (Muhammad, 1996; Halim, 2001). Hal ini menjadi semakin rumit apabila sistem *i'rāb* bukan sahaja melibatkan perubahan baris semata-mata, malah ia juga berkait dengan penggunaan unsur bilangan yang perlu disesuaikan pada sesuatu perkataan dalam ayat. Kajian Rusdi (1998) dan Halim (2001) membuktikan bahawa pelajar yang tidak dapat menguasai *i'rāb* sering menghadapi masalah dalam membezakan baris pada akhir perkataan bagi jamak maskulin (جمع المذكر السالم) dan duaan maskulin (المثنى المذكر). Hal ini disebabkan oleh kedua-dua jenis kata tersebut mempunyai '*alāmat i'rāb*' yang sama, iaitu (ين) tetapi mempunyai kelainan bentuk baris dan makna yang berbeza (Muhammad, 1996; Rusdi, 1998; Halim 2001).

Dalam masa yang sama, keadaan tersebut menjadi lebih sukar apabila pelajar tidak mempunyai strategi pembelajaran yang baik dan sesuai dalam pembelajaran BA (Rosni et al. 2008). Lebih menarik lagi apabila dapatan kajian Kamarul Shukri (2009) membuktikan secara khusus bahawa kesukaran pelajar sekolah menengah agama untuk menguasai BA kerana kurangnya aplikasi strategi kognitif semasa mempelajari BA yang mungkin disebabkan oleh ketidakmampuan pelajar untuk berlatih, membuat analisa, dan menaakul dengan baik.

Implikasi daripada masalah tersebut, pelajar yang tidak menggunakan strategi belajar dalam mempelajari BA, berkemungkinan besar akan menghadapi kesukaran dalam menguasai *i'rāb*. Hal ini akan menyebabkan pelajar menghadapi masalah dalam menentukan baris pada sesuatu perkataan apabila menerima kehadiran unsur bilangan, gender, jenis kata, dan partikel dalam ayat serta tidak dapat memahami makna dengan betul. Justeru, kajian ini akan menyelidiki penguasaan pelajar dalam *i'rāb manṣūbāt* melalui aplikasi strategi kognitif sebagai strategi utama.

1.2 Persoalan Kajian

Kajian ini memfokuskan tiga persoalan kajian, iaitu :

1. Apakah unsur *i'rāb manṣūbāt* yang dikuasai oleh responden?
2. Apakah unsur *i'rāb manṣūbāt* yang gagal dikuasai oleh responden?
3. Bagaimanakah strategi kognitif yang diaplikasi oleh responden dalam menguasai *i'rāb manṣūbāt*?

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian yang dibina adalah berdasarkan kepada persoalan kajian, iaitu:

1. Mengenal pasti unsur *i'rāb manṣūbāt* yang dikuasai oleh responden.
2. Menganalisis unsur *i'rāb manṣūbāt* yang gagal dikuasai oleh responden.
3. Menghuraikan strategi kognitif yang diaplikasi oleh responden dalam menguasai *i'rāb manṣūbāt*.

1.4 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijangka memberi manfaat kepada pelajar dan guru dalam konteks pembelajaran dan pengajaran *i'rāb*. Berikut adalah antara kepentingan kajian, iaitu:

1. Kepentingan kepada Pelajar

Dalam aspek penguasaan *i'rāb*, kajian ini dijangka dapat membantu pelajar mengatasi kelemahan dalam menguasai *i'rāb manṣūbāt* terutamanya dalam menentukan *mawqī'*, hukum dan *'alāmat i'rāb*. Dalam hal ini, pengkaji melihat terdapat beberapa kepentingan kepada pelajar dalam mengatasi masalah tersebut, iaitu:

a. Menguasai Kedudukan Baris pada Akhir Perkataan

Kajian ini dijangka dapat memberi panduan kepada pelajar dalam menguasai kedudukan baris sebagai *'alāmat i'rāb* pada huruf akhir sesuatu perkataan. Ia dapat membantu untuk menentukan kedudukan baris yang betul serta menghasilkan makna yang dapat difahami. Hal ini akan memberi kesan positif terhadap penguasaan pelajar dalam menentukan baris bagi unsur-unsur *i'rāb* yang merangkumi gender, bilangan, dan jenis kata yang terkandung dalam sesuatu ayat.

b. Menguasai Baris melalui Unsur Bilangan

Pengkaji membuat andaian bahawa dapatan kajian ini akan memberikan pendedahan kepada pelajar untuk membezakan kedudukan baris yang betul bagi setiap kategori kata yang menerima kehadiran *'alāmat i'rāb* (ين), khususnya bagi kategori kata jamak maskulin (جمع المذكر السالم) dan (المثنى المذكر). Sekiranya pelajar dapat membezakan baris dengan betul bagi kedua-dua kategori tersebut, ia menunjukkan pelajar berjaya menguasai fungsi unsur bilangan pada sesuatu perkataan dalam ayat. Dalam masa yang

sama pelajar akan dapat menentukan kedudukan *mawqi'*, hukum, dan *'alāmat i'rāb* melalui perubahan baris dan perkataan pada kedua-dua kategori tersebut.

c. Keberkesanan Strategi Belajar

Dari aspek strategi belajar pula, kajian ini dijangka akan menyediakan satu cara belajar yang berkesan kepada pelajar untuk menilai, memilih, dan menentukan strategi yang sesuai digunakan dalam menguasai *i'rāb*. Melalui strategi belajar yang berkesan, pelajar akan mampu memahami rumus *i'rāb* dan dapat menentukan kedudukan dan fungsi baris pada sesuatu perkataan dengan betul. Selain itu, pelajar juga akan dapat membezakan penggunaan unsur bilangan, gender, dan partikel bagi sesuatu perkataan mengikut rumus *i'rāb*. Dengan cara ini, pelajar akan menjadikan suatu pembelajaran itu lebih mudah, tidak membosankan, dan seronok tanpa ada kebergantungan sepenuhnya kepada guru dalam menguasai *i'rāb*.

2. Kepentingan kepada Guru

Kaedah pengajaran dan pembelajaran nahu mempunyai cabaran yang tinggi dalam melahirkan pelajar yang mahir *i'rāb*. Dalam hal ini, pengkaji melihat peranan guru sebagai tenaga pengajar tidak hanya “menghurai” semata-mata, malah perlu kepada suatu kaedah yang berkesan untuk memberi kefahaman kepada pelajar untuk *i'rāb*. Berikut beberapa kepentingan dapatan kajian ini dalam aspek mempertingkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran, iaitu:

a. Memperkenalkan Unsur Baris yang Berfungsi sebagai *'Alāmat I'rāb*

Pendedahan secara khusus dalam kajian ini mengenai penguasaan pelajar dalam menentukan kedudukan baris yang berfungsi sebagai *'alāmat i'rāb* pada sesuatu huruf akan dapat membantu guru memperkenalkan asas-asas penting yang perlu diketahui terlebih dahulu oleh pelajar sebelum mendalami *i'rāb*. Melalui cara ini pelajar dijangka akan dapat mengenali, memahami, dan dapat menguasai *'alāmat i'rāb* yang menuntut kepada perubahan baris bagi sesuatu perkataan disebabkan oleh kehadiran unsur-unsur *i'rāb* seperti bilangan, gender, partikel, dan jenis kata dalam sesuatu ayat.

b. Melatih Pelajar Mengaplikasi Strategi Belajar Secara Berkesan

Kajian ini dijangka akan dapat membantu guru mengukuhkan dan memantapkan penguasaan *i'rāb* pelajar. Ia akan memberi kesan dalam melatih pelajar menguasai baris dengan betul pada sesuatu perkataan. Dalam hal ini, strategi belajar melalui latihan dalam bentuk ayat-ayat pendek amat membantu pelajar dalam mengklasifikasikan bentuk baris dan rumus-rumus *i'rāb* pada *mufrad*, duaan (المثنى), jamak maskulin (جمع المذكر السالم), jamak feminin (جمع المؤنث السالم), dan *jama' taksir*. Dalam hal ini, guru akan memantau penguasaan pelajar dalam menentukan baris dan perubahan bentuk perkataan sama ada menepati rumus-rumus *i'rāb* atau sebaliknya. Dari situ, guru akan perbetulkan apa-apa yang silap melalui penerangan yang jelas. Manakala pelajar pula akan dapat mengetahui penggunaan rumus-rumus *i'rāb* dan dapat mengelak daripada melakukan kesalahan yang berulang. Oleh itu, ia

akan dapat membantu guru mengurangkan risiko kegagalan pelajar dalam menguasai *i'rāb*.

3. Kepentingan dari Aspek Metodologi Kajian

Kajian terdahulu lebih menjurus kepada analisis kesilapan pelajar dalam pembelajaran nahu melalui pendekatan kuantitatif. Hasil analisis tersebut hanya memberikan gambaran bentuk-bentuk kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam nahu dan dapatan yang diperoleh hanya dinilai oleh guru dan penyelidik itu sahaja tanpa ada maklum balas pelajar tentang sebab berlaku kesilapan tersebut. Bahkan ia juga tidak mendedahkan cara pelajar memahami nahu melalui strategi pembelajaran bahasa (SPB). Oleh itu, dengan berpandukan objektif yang dibina, kajian ini ingin melihat dari sudut yang lain, iaitu cara pelajar menguasai *i'rāb* melalui SPB yang mereka gunakan. Dalam menyelidiki permasalahan tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui instrumen soalan ujian bertulis dan temu bual. Justeru, gabungan antara penguasaan *i'rāb* melalui SPB yang diaplikasi oleh pelajar dijangka akan mempamerkan kepentingan kajian ini dalam mengetahui cara minda pelajar berfikir untuk menentukan *mawqi'*, hukum, dan *'alāmat i'rāb*.

1.5 Batasan Kajian

Batasan kajian membincangkan bidang fokus kajian seperti berikut:

1. Fokus kajian

Kajian ini memfokuskan kepada dua aspek utama yang menjadi asas dalam mengumpul data, iaitu:

- a. Kata Nama (KN) *Manṣūbāt*: Ia menyentuh lima kategori KN sahaja, iaitu objek (المفعول به), objek penguat (المفعول المطلق), predikat kata kerja *kāna* (خبر كان), subjek *inna* (إن اسم), dan kata keterangan keadaan (الحال). Kelima-lima kategori KN tersebut hanya membincangkan batas-batas fungsi nahuan merangkumi *mawqi'*, hukum, dan *'alāmat i'rāb*.
- b. Strategi Kognitif: Model yang digunakan dalam kajian ini ialah model SPB yang dibina oleh O'Malley dan Chamot (1990) merangkumi sepuluh strategi kognitif dengan fungsi tertentu. Perbincangan mengenainya akan diutarakan dalam bab dua.

2. Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam bentuk kajian kes. Instrumen yang digunakan ialah soalan ujian bertulis dan temu bual terhadap lima orang responden sahaja sebagai sampel. Pemilihan sampel ini adalah terdiri daripada pelajar tingkatan enam rendah (STAM) di Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah (SAMTTAJ), Shah Alam. Rasional pemilihan sampel tersebut kerana mereka telah dan sedang mengikuti sukatan pelajaran *Ma'ahad al-Bu'ūth al-Islāmiyyat, al-Azhār al-Syarīf, Mesir* (MBIA) sejak tingkatan satu lagi. Pemilihan tersebut dinilai

berdasarkan keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2013 dalam mata pelajaran nahu.

3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian utama dalam kajian ini ialah satu set soalan ujian bertulis dan temu bual. Soalan ujian bertulis yang dikemukakan mengandungi 23 soalan. Ia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian A mengandungi 15 soalan, manakala bahagian B mengandungi 8 soalan. Kedua-dua bahagian tersebut melibatkan kelima-lima jenis KN *manṣūbāt* seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini. Manakala data kajian yang dikutip melalui kaedah temu bual pula adalah secara tidak berstruktur. Menurut Chua (2012), temu bual tidak berstruktur ialah temu bual yang dijalankan secara tidak formal, tidak mempunyai apa-apa urutan soalan, tiada senarai soalan secara khusus melainkan hanya rangka ringkas mengenai maklumat yang ingin dipungut daripada pelajar. Perbincangan mengenainya akan dilanjutkan dalam bab tiga kelak.

1.6 Definisi Konsep

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini perlu dijelaskan maksudnya supaya tidak berlaku salah faham dalam menginterpretasikan sesuatu istilah. Antaranya ialah:

1.6.1 *Manṣūbāt*

Manṣūbāt ialah salah satu bentuk perubahan baris yang berfungsi sebagai '*alāmat i'rāb*' pada kata nama. Ia merangkumi perubahan bentuk baris sama ada *fathāḥ*, *kasrāḥ* atau menerima kehadiran sesuatu huruf tertentu seperti *alif* (ا) atau (ي) pada sesuatu perkataan (Ibrahīm, 1969).

1.6.2 *I'rāb*

I'rāb atau disebut juga sebagai fleksi ialah perubahan bentuk baris pada akhir perkataan disebabkan oleh faktor tertentu (Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab, 2004).

1.6.3 Unsur

Unsur ialah bahagian konstituen yang dapat dikenal pasti sebagai ciri-ciri dalam sesuatu analisis nahu yang melibatkan baris, gender, bilangan dan jenis kata dalam ayat (Kamus Linguistik, 1997).

1.6.4 Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) adalah merujuk kepada sistem pentaksiran dan pensijilan Agama/Arab bertaraf kebangsaan yang diiktiraf setaraf dengan sijil persekolahan menengah MBIA. Ia diperkenalkan untuk memastikan pelajar lepasan Sekolah Menengah Agama di Malaysia melalui satu sistem pendidikan piawaian yang

diiktiraf di dalam dan di luar negara (Peraturan dan Panduan Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia, 2012).

1.6.5 Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)

SPB merupakan teknik, pendekatan dan tindakan yang diambil dengan sengaja oleh pelajar untuk memudahkan pembelajaran dalam proses mengingat semula kedua-dua aspek linguistik serta kandungan sebarang maklumat (O'Malley & Chamot, 1990).

1.6.6 Strategi Kognitif

Strategi kognitif ialah tumpuan pada kerja-kerja pembelajaran merangkumi kerja-kerja proses memanipulasikan bahan pembelajaran secara berterusan dengan pelbagai cara yang berbeza (O'Malley & Chamot, 1990).

1.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pengkaji berpendapat bahawa unsur *i'rāb* yang melibatkan perubahan baris disebabkan kehadiran unsur gender, bilangan, partikel, dan jenis kata pada sesuatu perkataan dalam ayat amat penting untuk dikuasai oleh pelajar yang mempelajari BA sebagai bahasa asing/kedua supaya dapat memahami makna dengan jelas. Justeru, dengan adanya interaksi dua hala antara pelajar dengan bahan pembelajaran melalui strategi belajar khususnya strategi kognitif akan dapat membantu pelajar untuk meningkatkan tahap penguasaan dan pencapaian BA. Dengan kata lain, SPB merupakan salah satu cara untuk pelajar memahami, mengingat, dan menggunakan maklumat yang telah dipelajari dalam usaha menguasai *i'rāb*.

RUJUKAN

Al-Qur'ān Al-Karīm.

Ab. Halim Mohamad & Muhd Zulkifli Ismail. (2009). *Struktur Sintaksis Arab Dan Melayu: Satu Kajian Perbandingan Dari Aspek Terjemahan. Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Kedua.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.

‘Abd al-Ḥamīd, Muhammad Muḥyiddīn. (1989). *Al-Tuḥfat Al-Saniyyah Bi Syarḥ Al-Muqaddimah Al-Ajrūmiyyah.* Kaherah: Maktabat al-Sanaʿ.

Abd. Rauf bin Hj Hassan. (1998). *Kategori Maskulin dan Feminin Dalam Bahasa Arab: Satu Kajian dalam Surah Al-Wāqī‘ah.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abqari Hisan Abdullah. (2003). *Analisis Penggunaan Maḥḥul Fīh di Kalangan Pelajar-Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Fared Mohd Din. (2006). *Tahap Penguasaan Al-Tamyīz di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia.* Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Sa‘aduddin Wahab. (2010). *Analisis Kesilapan Sintaksis dan Morfologi dalam Khutbah Jumaat.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Sunawari Long. (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anida Abdul Rahim. (2003). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu.* Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Al-Huqayl, Sulayman ‘Abdul al-Rahman. (1992). *Aḥdāf Wa Ṭuruq Tadrīs Qawā‘id Al-Naḥw Al-‘Arabi.* Al-Ritad: Maṭba‘ Al-Farazdaq Al-Tijāriyyah.

Al-Munjid Fī Al-Lughah. (2007). Beirut: Dār al-Masyriq.

Al-Rājiḥī, ‘Abduh. (1988). *Al-Taṭbīq Al-Naḥw.* Beirut: Dār al-Naḥḍ al-‘Arabiyyah.

Al-Ṣanhajī, Abu ‘Abdullah Muhammad Daud. (T.th). *Matan Al-Jurūmiyyah.* Terj. Muhammad Fahmi Abd. Jalil. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Bialystok, E. (1981). The role of conscious strategies in second language proficiency. *Modern Language Journal* (65): 24-35.

- Chamot, Anna. Uhl. (1995). Implementing the cognitive academic language learning approach. CALLA in Arlington: Virginia. *The Bilingual Research Journal*, Vol. 19 (3 & 4): 379-394.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill Education: Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill. Education: Malaysia.
- Fuād Ni'mah. (T.th). *Mulakhas Qawā'id Al-Lughah Al-'Arābiyyah*. Al-Maktab al-'Ilm li't-Ta'lif wa-al-Tarjamah: Kaherah.
- Gagne, E.D. (1985). *The Cognitive Psychology of School Learning*. Boston: Little Brown & Co.
- Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab-Bahasa Arab-Huraian-Bahasa Melayu*. (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Halim Daud. (2001). *Frasa Objek dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ḥasan, 'Abbās. (1975). *Al-Naḥw Al-Wāfī*. Jil. 1. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Ḥamad, Ḥasan. (1998). *Sharḥ Al-Ashmūnī 'Alā Alfiyyah Ibn Mālik*. Beirut: Dār al-Kutb.
- Hismanoglu, M. (T.th). *Language Learning Strategies in Foreign Language Learning and Teaching*. Hacettepe University: Turkey: 8-16.
- Hismanoglu, M. (2000). Language learning strategies in foreign language learning and teaching, *TESOL Journal* (VI): 8-15.
- Ibn Manẓūr. (2003). *Lisān Al-'Arab*. Jil. 6. Kaherah: Dār al-Ḥadith.
- Ibrahīm, 'Abdul 'Alīm. (1969). *Al-Naḥw Al-Wāzīfī*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Janudin Sardi @ Mohd Yusop. (2009). *Pembelajaran Nahu dalam Bahasa Arab Komunikasi Menggunakan Aplikasi Multimedia Berasaskan Web*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2005). *Tatabahasa Arab dan Pembinaan Hukum Daripada Al-Qur'ān*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). "Sumbangan beberapa pemboleh ubah terhadap tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab". *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4*.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. (2012). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. (T.th). Hubungan penggunaan strategi bahasa dengan tahap penguasaan bahasa. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (1): 41-56
- Mas'ūd, Jubrān. (1964). *Mu'jam Lughawi 'Aṣr*. Beirut: Dār al-'Ilm lil malayīn.
- Mat Nawi Mat Jusoh, Hakim Zainal & Kaseh Abu Bakar. (2004). "Aplikasi rumus dalam pengajaran nahu bahasa Arab". *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*, hlm. 1-16.
- Mohamed Amin Embi. (2005). Penyelidikan Strategi Pembelajaran Bahasa: Implikasi Terhadap Pendidikan Bahasa di Malaysia. Dlm. Idris Aman & Mohammad Fadzeli Jaafar (pngr.). *Teori Penyelidikan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sukki Othman & Suhaila Abdullah. (2009). "Perkembangan dan Fungsi Bahasa: Tinjauan Terhadap Bahasa Arab dan Ciri-ciri Keistimewaanannya". Dlm. Nadwah bahasa dan kesusasteraan Arab ke-2. *Ke Arah Melestarikan Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-ciri Bahasa Arab: Fonetik, Morfologi & Sintaksis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mughālasat, Mahmūd Ḥusainī. (1991). *Al-Naḥw Al-Shafī*. 'Amman: Dār al-Bashīr.
- Muhamad Mustafa. (1995). *Masalah dalam Pembelajaran Nahu Arab*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Bukhari Lubis & Ali Haji Ahmad. (2006). *Transliterasi Kata Arab, Parsi, Turki*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Muhammad Idris. (1996). *Analisis Sistem I'rab dalam Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Marwan Ismail & Moharani Mohammad, Wan. (2008). *Kajian Tatabahasa Arab Dahulu dan Sekarang*. Bangi: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Munif Zariruddin Nordin. (1996). *Sistem Kala Kata Kerja Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Naimah Abdullah. (2003). *Analisis Sintaksis Bahasa Arab dan Implikasi Kesilapannya ke Atas Makna*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Najmuddin Wan Abdullah, Wan. (2007). *Aplikasi Fungsi Nahuan Frasa Genitif dalam Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nurazan Mohmad Rouyan. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA*. Disertasi Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nyikos, M. (1991). Prioritizing Student Learning: A Guide for Teachers. Dlm. Strasheim, L. (pnyt.). *Focus on the Foreign Language Learner: Priorities and Startegies*. (hlm. 25-39). Lincolnwood, IL: Nation Textbook.
- O'Malley, J.M., Chamot, A.U., Stewner-Manzanares, G., Kupper, L. & Russo, R.P. (1985a). Learning Strategies Used by Beginning and Intermediate ESL Students. *Language Learning*. 35 (1): 21-46.
- O'Malley, J.M. & Chamot, A.U. (1987). The cognitive academic language learning approach: A Bridge to the Mainstream. *TESOL Quaterly*, Vol 21 (2). 227-249.
- O'Malley, J.M. & Chamot, A.U. (1990). *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Oxford Advanced Learner's*. (1998). Professional edition e-Kamus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oxford, R.L. (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House.
- Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi*. (2008). Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peraturan dan Panduan Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*. (2012). Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Qāmūs Samīr Al-Mawsū'iy*. (2005). Beirut: Samīr Dār Nashr.

- Radha Nambiar, Noraini Ibrahim & Pramela Krish. (2008). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan dua. *Jurnal e-Bangi*. 3 (3). Januari-Disember: 1-17.
- Rosni Samah dan Arnida A. Bakar. (2008). *Pendekatan Pengajaran & Pembelajaran Subjek Nahu di Peringkat STAM dan Tahap Penguasaan Pelajar: Kajian di Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rubin, J. (1975). Study of cognitive process in second language learning. *Applied Linguistics*, 2 (2): 117-131.
- Rubin, J. (1987). Learners strategies: theoretical assumptions, research history and typology. Dlm. A. wenden & J. Rubin (pnyt.). *Learners Strategies in Language Learning*, hlm. 15-29. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Rusdi Arifin. (1998). *Satu Kajian Kesilapan Penggunaan Kata Sifat Bahasa Arab di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Weinstein, C.E. & Mayer, R.E. (1986). The teaching of learning strategies. Dlm. M.C. Wittrock. Ed. *Handbook of Research on Teaching*. New York: Mac Millan.